

MAHATHIR-JAMUAN

1981

IPOH, 28 OKT (BERNAMA) — DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARAP LEBIH RAMAI RAKYAT AKAN MENGAMBIL PELUANG MENCEBURKAN DIRI DALAM PERNIAGGAAN BARANG-BARANG CENDERAMATA BERIKUTAN LANGKAH KERAJAAN MEMANSUHKAN CUKAI KE ATAS BARANG-BARANG TERSEBUT BARU-BARU INI.

KATANYA, PEMANSUHAN CUKAI KE ATAS BARANG-BARANG SEPERTI JAM TANGAN, PEMETIK API DAN PENYA YANG DIUMUMKAN DALAM BELANJAWAN MINGGU LALU BERTUJUAN BUKAN SAHAJA UNTUK MENGEMBANGKAN LAGI PERUSAHAAN PELANCONGAN TETAPI JUGA MEMBUKA PELUANG PERNIAGAAN UNTUK RAKYAT.

+DENGAN BERKEMBANGNYA PERNIAGAAN DALAM BIDANG INI, LEBIH BANYAK PEKERJAAN AKAN DIWUJUDKAN+, JELAS PERDANA MENTERI KETIKA BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN NEGERI DI DEWAN PERBANDARAN DI SINI MALAM INI SEMPERA LAWATAN RASMI DUA HARINYA KE PERAK.

KATANYA, KERAJAAN BERAZAM UNTUK MENJADIKAN NEGARA INI SEBUAH NEGARA PERUSAHAAN YANG MAJU DAN DIHORMATI OLEH SELURUH DUNIA.

— BERSAMBUNG 2317/ZCM

BC471

MAHATHIR JAMUAN 2 IPOH

BELIAU MENEGASKAN KEGIATAN PERUSAHAAN YANG DIJALANKAN SETAKAT INI SAMA ADA UNTUK KEGUNAAN TEMPATAN ATAU EKSPORT TELAH DAPAT MEMBUKA BANYAK PELUANG PEKERJAAN SEHINGGA SETENGAH-SETENGAH SEKTOR TELAH MENGHADAPI KEKURANGAN PARA PEKERJA.

+BERTAMBAHNYA PERMINTAAN UNTUK TENAGA PEKERJA DENGAN SENDIRINYA TELAH MENINGKATKAN GAJI DI NEGARA INI, + JELAS BELIAU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA BERNASIB BAIK KERANA KEDANYAKAN RAKYATNYA BERSIKAP SEDERHANA.

AKIBAT SIKAP KESEDERHANAAN INI, KESTABILAN POLITIK TELAH DAPAT DIJAMIN DAN DENGAN ITU +KITA DAPAT MEMBENTUK KERAJAAN DEMI KERAJAAN, +

MENTUT BELIAU MALAYSIA HARI INI MERUPAKAN SALAH SEBUAH DARI EMPAT ATAU LIMA BUAH NEGARA-NEGARA BARU MUNCUL YANG TELAH BERJAYA.

KATANYA BERBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN YANG MENCAPAI KEMERDEKAAN PADA MASA YANG HAMPIR SAMA, MALAYSIA TELAH DAPAT MENCAPAI KEMAJUAN PESAT DARI SEGI EKONOMI MESKIPUN TERPAKSA MENGHADAPI KEMELESETAN EKONOMI DUNIA SEKARANG. — BERSAMBUNG 2318/ZCM

BC482

MAHATHIR-JAMUAN 3 IPOH

+KEHIDUPAN KITA ADALAH LEBIH BAIK SETELAH MERDEKA BERBANDING DENGAN NEGARA LAIN YANG TARAF HIDUP RAKYATNYA TELAH MEROSOT, + KATANYA.

SEBELUM ITU MENTERI BESAR DATUK SERI WAN MOHAMED BIN WAN TEH BERIKRAR BAHAWA KERAJAANNYA AKAN MEMBERIKAN SOKONGAN DAN KERJASAMA SEPENUHNYA UNTUK MEMUJUDKAN SEBUAH PENTADBIRAN YANG CEKAP, LICIN DAN BERSIH. — BERNAMA 2320/ZCM